

BULETIN

BILIK GERAKAN COVID-19 HCTM

18 April 2020



Vol. (4) 2020



COVID-19

Kita Mesti Menang!!!

PENGORBANAN JTMP DI BALIK KAMAR KACA

Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) selaku Wira tersembunyi ini tidak terlihat dikaca tv, namun peranan mereka berdepan secara langsung dengan virus SARS-CoV-2 amat besar.

eISSN 2716-6368



9 772716 636002

TERBITAN :
Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



TELEFON : 0391454949/4959
EMAIL : cprchctm@ppukm.ukm.edu.my



qrgo.page.link/fJzdb



300 SAMPEL UJIAN SARINGAN #COVID19 DIPROSES DI MAKMAL DIAGNOSTIK HOSPITAL CANCELOR TUANKU MUHRIZ UKM


Setiap hari kita diwartakan dengan penampilan *frontliner* seperti jururawat, doktor, anggota polis, dan tentera di kaca-kaca televisi dan mobil pintar, yang berhempas pulas mengagadai nyawa dalam mengekang penularan wabak dan merawat penyakit pandemik yang melanda dunia, COVID-19. Namun, terdapat juga golongan *frontliner* yang berada di balik kamar kaca biohazard, yang berhubungan terus dengan virus SARS-CoV-2 itu sendiri. Wira tersembunyi ini tidak terlihat di kaca tv, namun peranan mereka berdepan secara langsung dengan virus SARS-CoV-2 amat besar. Lebih banyak ujian yang dilakukan, lebih banyak nyawa yang dapat diselamatkan.

Pada 9 April lalu, Buletin Awani telah mewawancarai Pengarah HCTM YBhg. Prof. Dato' Dr. Hanafiah Harunarashid secara eksklusif dari dalam Makmal Jabatan Perkhidmatan Diagnostik HCTM. Wawancara tersebut telah membuka minda masyarakat tentang betapa berisikonya peranan yang dimainkan oleh Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) dalam mendepani Covid-19 di makmal. Selain itu, penonton juga turut menyelami perasaan yang berada dilubuk hati *frontliner* ini disebalik tabir kamar kaca.



Sehingga ke hari ini sebanyak 1400 sampel telah dianalisis di makmal HCTM. Kos bagi satu ujian *real time reverse transcription-polymerase chain reaction* (real time RT-PCR) adalah sekitar RM360 bagi satu ujian.

Seorang kontak perlu menjalani sekurang-kurangnya 1 ujian bagi saringan kontak, manakala sebanyak 3 ujian sampel diperlukan bagi pesakit Covid-19. Semua ujian saringan perlu negatif sebelum pesakit dibenarkan discaj.



AKTIVITI UNIT-UNIT BILIK GERAKAN

SUMBANGAN : DR. UMMI MIRZA



Operasi bilik gerakan Covid-19 HCTM merangkumi unit-unit termasuk Unit Pengesanan Kes, Unit Pengesanan Kontak, Unit Survelans dan Unit Promosi Kesihatan & Komunikasi Risiko. Setiap unit memainkan peranan penting dalam menangani Covid-19 di peringkat pusat hospital. Kerjasama yang baik dan mantap antara petugas klinikal dan bilik gerakan diperlukan pada setiap masa bagi merealisasikan perkhidmatan perawatan Covid-19 yang terbaik. Respons yang cepat dan efektif amat diperlukan bagi mengurangkan penularan virus Covid-19.

Laporan yang dihasilkan dari Bilik Gerakan akan diverifikasi oleh pakar-pakar kesihatan awam yang bertugas sebelum dimajukan kepada CPRC Kebangsaan, seterusnya kepada pejabat Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah untuk sidang media harian.



Berikut adalah aktiviti bagi setiap unit di Bilik Gerakan Covid-19 HCTM.

UNIT PROMOSI KESIHATAN & KOMUNIKASI RISIKO



KISAH PETUGAS MAKMAL SARINGAN COVID-19

PENAUNG

Prof. Dato' Dr Hanafiah Harunarashid

KETUA PENGARANG

Prof Madya Dr Mohd Rohaizat Hassan

KETUA EDITOR

Prof Madya Dr Rozita Hod

PENGARANG

Prof Madya Dr Azmawati Mohammed Nawwi

Prof Madya Dr Azimatun Noor Aizuddin

Prof Madya Dr Norfazilah Ahmad

Prof. Madya Dr. Asrul Abdul Wahab

Prof. Madya Dr. Tzar Mohd Nizam Khaithir

Dr Sharifah Azura Salleh

Dr Petrick @ Ramesh A/L K Periyasamy

Dr Faiz Daud

Dr. Najma Kori

PENULIS / PENYUMBANG BAHAN

Mohd Afiq Arifin

Sazman Wahab

Mohd Firdaus Habib

Mohd Rizam Abd Rahman

Azman Ariff

Fadly Syah Arsad

Mohd Izzar

Mohd Hilmi

Puteri Sofia Nadira

Ariff Azfarahim

Rumaizah

Umni Mirza Baharudin

Normaslina Mustaza

Intan Kartina A Karim

Juliana Mansor

Thivyadharshini A/P Uvaraju

Nor Ayuni Mohd Ismail

Khairul Hazdi Yusof

Izyani Bahari

Zurina Mohamad Saleh

JURUGAMBAR

Rosli Nasir JMP

Mohd Afiq Arifin

GRAFIK

Mohd Firdaus Habib

Sazman Wahab


PERCETAKAN

Mohd Rizam Abd Rahman


PENGEDARAN

Khairul Hazdi Yusof


UNIT SURVELANS



UNIT PENGESANAN KES



UNIT PENGESANAN KONTAK



WE STAY AT WORK YOU STAY AT HOME